

# PM: Ada parti politik cuba matikan semangat kebangsaan

21 AUG 1984

**K**UALA LUMPUR 30 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan semua golongan rakyat di negara ini supaya berwaspada terhadap tindak tanduk parti politik tertentu yang cuba mematikan semangat kebangsaan di kalangan generasi muda.

Perdana Menteri mengingatkan sekiranya pihak-pihak tertentu dibiarkan mematikan perasaan kebangsaan itu, akibatnya negara akan kehilangan kemerdekannya.

Berucap meraiikan para penentang Malayan Union di majlis malam di Bangunan Parlimen di sini malam ini, beliau berkata, usaha pihak-pihak berkenaan bukan saja menghasut kesyukuran atas kemerdekaan yang dicapai tetapi

juga menyebabkan semangat kebangsaan dan kemelayuan tidak disanjung.

Menurut Perdana Menteri hari ini terdapat orang-orang muda yang tidak mengakui diri mereka sebagai keturunan Melayu kerana kononnya ia haram di sisi agama.

"Hal ini adalah benar - perasaan malu ditanam tentang bangsa mereka kerana ia dikatakan bertentangan dengan Islam.

"Dalam pada itu sesiapa yang menganggap diri mereka sebagai orang Melayu pula digolongkan sebagai golongan Assabiyah iaitu orang yang terlalu dipengaruhi oleh bangsanya hingga menolak agama," kata Datuk Sri Dr. Mahathir sekadar membri beberapa contoh.

Kata Perdana Menteri,

orang-orang yang sedemikian memang wujud akibat dipengaruhi oleh parti politik yang sanggup memperalatkan Islam dengan cara yang tidak halal.

"Akibatnya nanti apabila perasaan kebangsaan dimatikan kita akan kehilangan kemerdekaan," kata beliau.

## Usaha

Menurut Perdana Menteri, untuk mengatasi masalah tersebut semua golongan rakyat termasuk para pejuang kemerdekaan tanah air dahulu haruslah meneruskan usaha mereka bagi mengisi kemerdekaan yang diperolehi.

Beliau menambah, usaha seumpama adalah penting kerana generasi muda sekarang banyak mewakili kumpulan rakyat yang lahir se-

lepas merdeka dan tidak pernah melalui liku-liku hidup dijajah.

"Mereka mudah dipengaruhi oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, angkuh dan sombong," kata Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa terdapat segolongan rakyat di negara ini yang tidak pernah menyatakan kesyukuran mereka atas segala nikmat yang diperolehi dari usaha kerajaan.

Ada yang mengecam tindakan kerajaan umpamanya dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mana dikatakan ia cuma memberi faedah kepada sebilangan kecil orang-orang Melayu sahaja.

"Tetapi yang anehnya orang-orang ini juga mendapat nikmat dari DEB dan

tanpa DEB tidak tentu nanti mereka boleh mendapat pelajaran dan menjadi jurutera," kata beliau.

Tegasnya, orang-orang seperti ini adalah orang-orang yang tidak tahu bersyukur dan insaf. Jika benar DEB tidak membawa faedah mereka sepatutnya menolak peluang-peluang yang diberikan.

Perdana Menteri menegaskan orang-orang yang memaki hamun kepada kerajaan setelah mendapat nikmat tertentu tidak mungkin akan mendapatnya lagi.

Oleh itu kata Datuk Sri Dr. Mahathir, mencapai kemerdekaan sahaja adalah tidak mencukupi dan tidak bermakna sekiranya ia tidak dapat menimbulkan keinsafan kepada orang-orang muda.